

RIMBA SAMPAH
Ferruginous Babbler

FAMILI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: *Tristoma bicolor*



CIRI-CIRI

Individu dewasa mempunyai bahagian atas badan yang berwarna coklat kemerahan cerah manakala bahagian bawah badan berwarna kuning pucat keputihan. Individu ini mempunyai bahagian ekor yang besar dan panjang. Bagi individu juvenil pula, ia mempunyai bahagian atas badan yang lebih cerah di mana warnanya adalah lebih kepada warna perang kemerahan.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa bagi spesies ini adalah di antara 16.0-18.5 sm. Berat 24.1-31.2 g.

MAKANAN

Serangga, invertebrata, buah-buahan yang bersaiz kecil, bijian dan nektar.

HABITAT

Kawasan hutan dipterokap, hutan hujan malar hijau dan hutan sekunder pada ketinggian sehingga ke 200 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang tajam, jelas dan kuat *u-wit* atau *u-wee* di mana nota kedua adalah lebih tinggi. Ini termasuklah bunyi *wit wi-ti-tu-tu*. Bunyi adalah lebih perlahan dan kasar. Bunyi yang dikeluarkan berakhir dengan bunyi *wit* yang kuat dan tajam.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan April hingga Julai di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan di pinggir atau di kawasan pokok rotan, pada ketinggian di antara 20-80 sm dari aras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji berwarna kuning pucat keputihan yang pudar serta terdapat bintik-bintik yang berwarna coklat kemerahan serta tanda yang berwarna kelabu ke merah jambu.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.